



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM JELAJAH KASIH PUSAT SOKONGAN SOSIAL
SETEMPAT (PSSS) YKN & SUMBANGAN BACK TO SCHOOL**

TEMPAT / TARIKH / MASA

**MYDIN VISTA TUNKU KUCHING
9 FEBRUARI 2025 (AHAD)
10.00 PAGI**

Kemas kini 8 Februari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin rahmat-Nya, kita dapat berkumpul untuk **Program Jelajah Kasih: Pust Sokongan Sosial Setempat (PSSS)** dan penyampaian **Sumbangan *Back to School*** bagi sesi persekolahan 2025.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yayasan Kebajikan (YKN) serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Terima kasih juga kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuching dan Padawan yang turut terlibat bersama dalam menjayakan program ini.

3. Untuk makluman puan-puan dan tuan-tuan sekalian, penyampaian sumbangan persekolahan hari tok melibatkan 460 murid sekolah dari sekitar Kuching. Selain itu, kita juga membawa PSSS kita dan memberitahu tentang peranan PSSS kita ini. Semalam kita juga membawa PSSS tok ke Lundu, haritok kita embak ke sitok pulak.

4. PSSS tok adalah tempat yang kita boleh bersadu, kita boleh luahkan masalah kita dan isu-isu kita akan didengari oleh kaunselor yang profesional dan berdaftar.
5. Apa kaitan PSSS dengan penyampaian sumbangan *Back to School*? Dunia kinek tok banyak cabaran nya. Isu Kesihatan mental bukan sahaja dialami orang dewasa tetapi dalam kalangan kanak-kanak dan remaja juga membimbangkan.

Tekanan ini mungkin disebabkan masalah keluarga, pembelajaran atau persekitaran. Mun kita tidak jaga, tekanan tok boleh berik kita kesan jangka panjang kelak.

6. Kadang-kadang bila kita stres, kita tidak tahu mana untuk mengadu, oleh itu inisiatif PSSS ini adalah salah satu langkah untuk memastikan komuniti kita mempunyai tempat untuk mendapatkan bantuan dan sokongan tanpa stigma.

7. PSSS menjalankan kaunseling untuk individu dan keluarga serta sesi advokasi dan program kesedaran kesejahteraan mental.
8. PSSS tok ada yang mobile, ada yang statik – haritok kita embak yang mobile. PSSS mobile tok mempermudah untuk kita sampai kepada lebih banyak komuniti di seluruh Sarawak dan di seluruh negara.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Peranan dan sokongan YKN untuk membantu kerajaan melalui inisiatif seperti PSSS ini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak. Sokongan daripada syarikat korporat dan organisasi boleh menyokong usaha YKN dalam memperkukuhkan lagi perkhidmatan sokongan sosial ini.

10. Sebagai penghargaan kepada penyumbang, YKN menyediakan resit pengecualian cukai bagi setiap sumbangan yang diterima. Ini adalah peluang baik untuk pihak korporat untuk memainkan peranan untuk bersama-sama dalam membina kesejahteraan komuniti seperti di kawasan Pantai Damai dan Demak Laut.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

11. Saya berharap bantuan Back to School yang disampaikan hari ini dapat menyuntik semangat kepada anak-anak untuk kembali ke sekolah dengan penuh keyakinan. Ingat, pendidikan tok lah kunci kepada masa depan yang cerah kelak.

12. Pesan kamek kepada semua pelajar yang hadir ini, belajar bersungguh-sungguh demi demi mencapai kejayaan. Pendidikan adalah aset yang mampu mengubah bukan sahaja taraf hidup kita sendiri tetapi juga taraf hidup keluarga kita.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

13. Kita sampai ke penghujung ucapan saya. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Jelajah Kasih: Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan Sumbangan Back to School.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

9 Februari 2025